

23/10/1997

Asean kaji tubuh dana khas

KUALA LUMPUR, Rabu - Asean sedia mengkaji kemungkinan menubuhkan dana khas bagi menangani masalah kemiskinan dan kemunduran penduduk rantau ini, selain mengurangkan pergantungan dana asing.

Cadangan mewujudkan dana khas itu dijangka tercapai selepas wujudnya kerjasama lebih erat antara pegawai kanan setiap negara anggota Asean serta berlakunya lebih banyak pertukaran maklumat.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa, berkata cadangan mewujudkan dana khas itu bertepatan dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang tidak mahu Asean terlalu bergantung kepada dana asing.

"Sehubungan itu, saya menganggap adalah wajar Asean pada satu hari nanti memikirkan dengan terperinci cadangan itu.

"Masalah kemunduran dan kemiskinan adalah amat penting di rantau ini dan perlu tindakan segera, lebih-lebih lagi Asean kini mengalami pertumbuhan penduduk yang cepat," katanya dalam sidang akhbar selepas menerima kunjungan hormat Menteri Luar Bandar Brunei dan Indonesia sempena Mesyuarat Menteri Asean Mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan yang bermula di sini esok.

Mesyuarat berkenaan akan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Annuar berkata, setiap anggota Asean bertanggungjawab memperbaiki kualiti hidup masyarakat luar bandar dalam usaha memastikan peningkatan sumber manusia dari masa ke semasa.

(END)